



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 63 / 2020

MENJELANG PROSES PENGUNDIAN PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) SABAH KE-16

1. Hari ini Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menjalankan semakan peralatan mengundi seperti peti undi, dakwat pilihan raya, kertas undi, petak undi dan sebagainya untuk kegunaan bagi proses pengundian yang akan dijalankan esok.
2. Semakan ini untuk memastikan semua peralatan atau kelengkapan bagi pengundian pada hari esok lengkap dan berkeadaan baik.
3. Peralatan ini diagihkan kepada Ketua-Ketua Tempat Mengundi (KTM) bagi setiap Saluran Mengundi.
4. Sebanyak **741 Pusat Mengundi** dan **2,540 Saluran** akan dibuka esok untuk tujuan pengundian dengan seramai **28,656 orang petugas** akan bertugas bagi proses pengundian esok.
5. Seramai **1,088,711 orang pengundi** bakal mengundi di PRU DUN Sabah Ke-16 pada hari esok. SPR berharap semua pengundi dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan keluar mengundi.

MASA KELUAR MENGUNDI

6. Pengundi dinasihatkan supaya keluar mengundi mengikut "MASA KELUAR MENGUNDI YANG DIGALAKKAN" seperti mana yang tercatat pada kad pengundi (*Voter's Card*). Sekiranya pengundi tidak dapat hadir pada masa keluar mengundi yang digalakkan atas sebab-sebab tertentu, pengundi masih boleh keluar mengundi mengikut kelapangan masa dari jam **7.30 pagi hingga 5.00 petang atau waktu yang telah diwartakan**. Namun demikian, pengundi adalah dinasihatkan untuk tidak keluar mengundi pada saat-saat akhir.

7. SPR juga ingin mengingatkan majikan supaya membenarkan pekerja mereka yang berdaftar sebagai pemilih untuk keluar mengundi pada PRU DUN Sabah Ke-16 esok. **Mana-mana majikan yang menghalang pekerja mereka untuk keluar mengundi boleh diambil tindakan mengikut Seksyen 25 (3) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang memperuntukkan hukuman denda RM5,000 atau penjara selama setahun, jika sabit kesalahan.**

TAMAT TEMPOH RASMI BERKEMPEN

8. SPR sekali lagi mengingatkan semua pihak yang bertanding bahawa tempoh rasmi berkempen akan tamat pada malam ini iaitu sehingga jam **11.59 minit malam, 25 September 2020**.

9. Selepas tempoh itu berakhir, semua pihak hendaklah menghentikan sebarang bentuk aktiviti berkempen termasuk aktiviti merayu undi.

10. Tiada mana-mana pihak yang boleh merayu undi termasuklah di luar Pusat Mengundi dan juga melalui saluran media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram* dan lain-lain.
11. SPR juga mengingatkan bahawa semua parti atau calon bertanding adalah dilarang untuk membuka, membina atau menyelenggara pejabat dan barung semasa Hari Mengundi.
12. Mana-mana pihak yang melakukan kesalahan ini akan diambil tindakan undang-undang.

GARIS PANDUAN KHAS PRU DUN SABAH KE-16

13. Pada hari mengundi, semua pengundi diwajibkan memakai pelitup muka separuh (*face mask*), melalui proses saringan suhu badan, menggunakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) dan merekodkan kehadiran serta mengamalkan penjarakan fizikal.
14. Pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) akan dibekalkan di semua pusat mengundi pada hari mengundi kelak. Pengundi perlu melalui penggunaan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) di empat (4) stesen dalam pusat mengundi iaitu di pintu masuk pusat mengundi, di pintu masuk saluran, di dalam saluran (selepas proses mencelup jari dengan dakwat kekal iaitu sebelum menerima kertas undi) dan sebelum keluar dari pusat mengundi. Petugas pilihan raya akan memantau pergerakan pengundi bagi memastikan Garis Panduan ini dipatuhi sepanjang berada dalam pusat mengundi.

15. Pengundi yang bergejala dan tidak melepasi saringan suhu badan akan tetap dibenarkan mengundi di khemah khas yang dipantau oleh pegawai kesihatan. Pengundi berkenaan akan diuruskan oleh pegawai kesihatan untuk pemeriksaan dan tindakan lanjut. Manakala individu yang diletak di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian [*Person Under Surveillance* (PUS)] dan individu yang bergejala yang sedang dalam rawatan [*Person Under Investigation* (PUI)] yang ingin mengundi hendaklah memohon kebenaran daripada Pegawai Kesihatan Daerah, untuk keluar sementara ke Pusat Mengundi.

MEMAKAI BAJU ATAU MEMBAWA MATERIAL BERSIMBOL PARTI ATAU BERUNSUR KEMPEN CALON

16. SPR sekali lagi menegaskan kepada semua pihak khususnya pengundi, calon dan petugas yang ingin memasuki Pusat Mengundi pada Hari Mengundi **tidak memakai baju / topi / pelitup separuh muka (facemask) atau membawa material yang mempunyai nama / simbol / gambar parti atau calon yang bertanding atau apa-apa bahan kempen serta sebarang tagline atau slogan kempen yang menjurus atau membawa maksud sokongan atau cenderung kepada mana-mana fahaman politik.**
17. Mana-mana pengundi atau individu yang gagal mematuhi undang-undang boleh dihalang dari memasuki Pusat Mengundi dan dikenakan tindakan undang-undang sekiranya berbuat demikian.
18. SPR berharap semua pihak mematuhi undang-undang, peraturan dan etika pilihan raya bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya

serta tidak menggugat ketenteraman awam. Sebarang pelanggaran undang-undang yang berkaitan boleh dikenakan tindakan.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL GHANI SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 25 September 2020 / 7 Safar 1442H